



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 9/2011 (27 Februari hingga 5 Mac 2011)

Pada minggu kesembilan tahun 2011 iaitu bagi tempoh 27 Februari hingga 5 Mac 2011, sejumlah 393 kes Demam Denggi dengan satu kematian telah dilaporkan di seluruh negara, menurun sebanyak 37 kes berbanding 430 kes pada minggu sebelumnya. Walau pun jumlah kes mingguan menurun namun terdapat lima buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Sarawak yang meningkat sebanyak 8 kes (50%), Melaka 7 kes (58%), Kedah 3 kes (33%), N.Sembilan 3 kes (25%) dan Pahang meningkat sebanyak 2 kes (8%) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes sehingga 5 Mac 2011 adalah 4,105, penurunan sebanyak 56% atau 5,318 kes berbanding dengan 9,423 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 76% atau 26 kematian, di mana terdapat 8 kematian bagi tahun 2011 berbanding 34 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian Demam Denggi dilaporkan dari P.Pinang. Kes melibatkan seorang wanita berusia 26 tahun yang bertugas sebagai seorang guru. Beliau telah mengalami komplikasi iaitu *Dengue Shock Syndrome* dan meninggal dunia selepas 4 hari

dijangkiti Denggi. Tindakan kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan dikawasan kediaman pesakit bagi memastikan tiada lagi kes jangkitan Demam Denggi di kawasan ini.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 98 lokaliti wabak di 26 buah daerah di seluruh negara dan 8 daripadanya merupakan lokaliti *hot spots*. Negeri Selangor mempunyai jumlah lokaliti *hot spots* yang terbanyak iaitu 5 lokaliti, kesemuanya di daerah Gombak dan 4 daripada lokaliti *hot spots* ini adalah di kawasan Majlis Perbandaran Selayang iaitu Kg Baru Sg Terentang, Taman Muhibbah Rawang, Apartment Dahlia Bandar Country Homes dan Apartment Palma Bandar Country Homes. Malah satu daripada lokaliti *hotspots* iaitu Kg. Baru Sg Terentang telah pun mengalami wabak melebihi 3 bulan.Terdapat 3 lagi lokaliti *hot spots* iaitu masing-masing di RKAT Ampat Tin di WP Kuala Lumpur, Kg Pasir di Johor dan Taman Maju di Perak.

Aktiviti membersihkan dan memusnahkan tempat pembiakan oleh masyarakat perlu dilakukan secara berterusan iaitu sekurang-kurangnya seminggu sekali. Daripada pemantauan Kementerian Kesihatan menunjukkan 70% daripada pembiakan Aedes dijumpai di sekitar rumah kediaman. Risiko jangkitan Denggi mudah berlaku kerana nyamuk yang membawa virus Denggi ini tinggal di persekitaran manusia. Kedudukan rumah yang berhampiran menjadikan penularan jangkitan sukar dibendung jika terdapat pembiakan Aedes. Oleh itu, langkah bijak oleh masyarakat adalah menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes di kawasan kediaman, tempat kerja dan sekolah masing-masing. Jangkitan Demam Denggi boleh berlaku pada sesiapa saja dan sekiranya komplikasi berlaku ianya boleh meragut nyawa pesakit.

Sempena cuti persekolahan yang hampir tiba, ramai warga kota yang akan keluar bercuti dalam jangka masa seminggu. Oleh itu, mereka disaran agar memastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi pembiakan Aedes yang ditinggalkan di rumah mereka bagi memastikan pembiakan nyamuk Aedes tidak berlaku. Pengetua dan Guru Besar sekolah juga diminta memastikan sekolah-sekolah mereka bebas daripada tempat-tempat pembiakan Aedes. Gunakan bahan pembunuhan jentik-jentik (*Abate*) yang boleh di dapati di pejabat kesihatan terdekat pada tempat-tempat takungan air.

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat 2 kes dilaporkan untuk tempoh 27 Februari hingga 5 Mac 2011, berbanding 1 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 9 kes, penurunan sebanyak 98% berbanding dengan 432 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B). Terdapat satu lokaliti wabak Chikungunya dilaporkan berlaku di daerah Batang Padang, Perak.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

b.p Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

7 Mac 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 9/2011
(27 Februari hingga 5 Mac 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 9/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 9/2010
		Minggu 9 (27 Februari – 5 Mac 2011)	Minggu 8 (20 – 26 Februari 2011)		
1	Perlis	0	0	19	29
2	Kedah	12	9	111	83 (1)
3	P. Pinang	29 (1)	35	329 (1)	238 (2)
4	Perak	17	31	255	284
5	Selangor	137	162	1,439 (1)	4,360 (19)
6	WPKL & Putrajaya	33	37	291	914 (2)
7	N. Sembilan	15	12	113	491 (1)
8	Melaka	19	12	111	78 (1)
9	Johor	42	45 (1)	438 (4)	528 (1)
10	Pahang	27	25	237 (1)	245 (1)
11	Terengganu	15	19	210 (1)	212
12	Kelantan	13	14	169	171
13	Sarawak	24	16	258	1,318 (5)
14	Sabah	10	13	121	465 (1)
15	WP Labuan	0	0	4	7
	MALAYSIA	393 (1)	430 (1)	4,105 (8)	9,423 (34)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 9/2011
(27 Februari hingga 5 Mac 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 9/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 9/2010
		Minggu 9 (27 Februari – 5 Mac 2011)	Minggu 8 (20 – 26 Februari 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	1
4	Perak	2	0	2	1
5	Selangor	0	0	0	10
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	405
14	Sabah	0	1	5	4
15	WP Labuan	0	0	0	6
	MALAYSIA	2	1	9	432

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 9
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	32	94
2	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Muhibbah Rawang	9	58
3	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K4	23	51
4	SELANGOR	MPS (GB)	Apartment Dahlia Bandar Country Homes Rawang	5	38
5	SELANGOR	MPS (GB)	Apartment Palma Bandar Country Homes Rawang	9	33
6	WPKL	Kepong	RKAT Ampat Tin	14	38
7	JOHOR	MBJB	Kg Pasir	13	42
8	PERAK	Perak Tengah	Taman Maju	7	31

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN
NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 9
BAGI TAHUN 2011
(27 Februari hingga 5 Mac 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPS (GB)	Apartment Dahlia Bandar Country Homes Rawang	2.8	3
2	PERAK	Perak Tengah	Taman Maju	1.8	2
3	WPKL	Kepong	RKAT Ampat Tin	1.0	8
4	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K4	1.0	1